

WARTA KERAJAAN

PUSAT INFORMASI - WARTA KERAJAAN - P.U. (A) 540

AKTA INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SWASTA 1996

PERATURAN-PERATURAN INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SWASTA (PENDIDIKAN JARAK JAUH) 1997

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 88(2)(g) Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996, Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan Peraturan-Peraturan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (Pendidikan Jarak Jauh) 1997 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada 1 Januari 1998.
2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain:
 - “institusi pendidikan jarak jauh” ertinya suatu institusi pendidikan tinggi swasta yang mempunyai erti yang sama seperti yang diberikan kepada ungkapan itu dalam Akta dan bagi maksud Peraturan-Peraturan ini ialah suatu institusi pendidikan tinggi swasta yang mengendalikan kursus pendidikan jarak jauh sahaja;
 - “institusi pendidikan tinggi swasta” mempunyai erti yang sama seperti yang diberikan kepada ungkapan itu dalam Akta dan bagi maksud Peraturan-Peraturan ini ialah suatu institusi pendidikan tinggi swasta yang mengendalikan kursus pendidikan jarak jauh atau institusi pendidikan tinggi swasta;
 - “ketua jabatan” ertinya seseorang, walau apa pun gelaran yang digunakan, yang mengetuai suatu fakulti, sekolah atau jabatan pengajian di suatu institusi pendidikan jarak jauh atau institusi pendidikan tinggi swasta.
 - “kursus pendidikan jarak jauh” ertinya suatu kursus pengajian atau program latihan yang disampaikan melalui pendidikan jarak jauh;
 - “manual kursus” ertinya bahan pengajaran dan pembelajaran utama bagi suatu kursus pendidikan jarak jauh;
 - “pendidikan jarak jauh” mempunyai erti yang sama seperti yang diberikan kepada ungkapan itu dalam Akta;
 - “pusat wilayah” ertinya suatu tempat yang disediakan oleh suatu institusi pendidikan jarak jauh atau institusi pendidikan tinggi swasta yang berjauhan daripada institusi itu bagi tujuan membolehkan pelajar-pelajar berkumpul untuk berinteraksi dari segi pengajaran dan pembelajaran.
3. Suatu institusi pendidikan jarak jauh hendaklah ditubuh dan didaftarkan sebagai suatu institusi pendidikan tinggi swasta di bawah Akta.
4. (1) Suatu institusi pendidikan jarak jauh boleh, dengan kelulusan Menteri yang diperolehi terlebih dahulu, mengendalikan suatu kursus pendidikan jarak jauh.
 - (2) Semua kursus pendidikan jarak jauh yang ditawarkan oleh suatu institusi pendidikan jarak jauh mesti mematuhi peruntukan yang berkaitan dalam Akta dan Peraturan-Peraturan ini.
5. (1) Suatu sistem pentadbiran dan pengurusan itu hendaklah termasuk perkara yang berikut:
 - a. Penyediaan dan rekabentuk bahan kursus termasuk rekabentuk kurikulum kursus;
 - b. penyediaan dan pengurusan suatu sistem bagi penghantaran dan penyampaian pendidikan jarak jauh termasuk suatu sistem bagi penghantaran bahan pengajaran melalui media elektronik;

- c. tatacara yang jelas mengenai penerimaan, merekod, memproses dan menghantar semula tugas atau apa-apa jenis kerja kursus pelajar;
- d. penyediaan dan pengurusan tutorial sokongan untuk pelajar;
- e. penyediaan dan pengurusan perkhidmatan sokongan pelajar;
- f. pengurusan rekod pelajar yang tidak baik dan tepat;
- g. peperiksaan, dan penyenggaraan rekod keputusan ujian dan peperiksaan;
- h. penubuhan dan pengurusan pusat sumber pendidikan termasuk perpustakaan;
- i. penubuhan dan pengurusan pusat wilayah.

6. (1) Suatu kursus pendidikan jarak jauh hendaklah dibentuk dalam modul.

(2) Suatu modul kursus hendaklah:

- . menyatakan objektif kursus dengan jelas;
 - a. menyatakan pengetahuan dan kemahiran yang perlu ada pada seseorang pelajar sebelum memulakan modul itu; dan
 - b. mengadakan penilaian sendiri di akhir setiap modul bagi membolehkan pelajar itu mengukur tahap pencapaiannya.

(3) Bahan pengajaran untuk suatu kursus pendidikan jarak jauh hendaklah disediakan dengan rapi dan direkabentuk khusus bagi memenuhi keperluan pembelajaran melalui pendidikan jarak jauh.

(4) Bahan pengajaran hendaklah termasuk perkara yang berikut:

- c. memberi pengajaran dan pada masa yang sama melibatkan seseorang pelajar secara aktif;
 - d. tidak terlampau kompleks dari segi teknologi dan bersifat interaktif;
 - e. tidak mempunyai prasangka, propaganda atau berat sebelah;
 - f. mengandungi teknik yang membolehkan pelajar menetapkan sendiri kelajuan pelajarannya; dan
 - g. mengambilkira dan menyenaraikan lain bahan rujukan yang boleh memanfaatkan pelajar.

(5) Bahan pengajaran yang utama bagi kursus pendidikan jarak jauh ialah bahan pengajaran sendiri yang sekurang-kurangnya terdiri daripada perkara yang berikut:

- h. manual kursus;
 - i. rakaman audio atau video;
 - j. bahan-bahan bacaan yang relevan;
 - k. helaian kerja atau buku kerja; dan
 - l. jadual aktiviti kelas.

(6) Bahan pengajaran yang telah disediakan hendaklah sentiasa disemak bagi menentukan kandungannya kemaskini dengan perkembangan terkini dan

membolehkan analisis berterusan mengenai prestasi kursus pendidikan jarak jauh itu.

(7) Kursus pendidikan jarak jauh hendaklah disertakan dengan bahan pengajaran dan pembelajaran yang lain bagi membantu guru dan pelajar.

7. (1) Suatu manual kursus hendaklah mengandungi semua pengajaran bagi suatu kursus pendidikan jarak jauh dan hendaklah disusun mengikut unit ajaran yang disesuaikan dengan media penyampaian yang digunakan.

(2) Suatu unit ajaran dalam manual kursus hendaklah sekurang-kurangnya mengandungi perkara yang berikut:

. penerangan menyeluruh mengenai suatu unit yang akan dipelajari;

- a. objektif pembelajaran unit itu;
- b. ringkasan unit;
- c. senarai konsep dan istilah utama dalam unit bersama dengan suatu penjelasan mengenainya, jika berkaitan;
- d. kandungan kursus adalah sama dengan kandungan suatu kursus yang disampaikan melalui kuliah di kampus;
- e. soalan ulangkaji dan ujian sendiri dengan jawapan;
- f. makalah dan lain bahan yang menjadi bahan bacaan bagi unit itu, jika perlu; dan
- g. bibliografi untuk bacaan tambahan.

(3) Ilustrasi dalam bentuk grafik atau gambarfoto hendaklah digunakan seberapa banyak yang boleh.

(4) Tertakluk kepada Akta Hakcipta 1987, manual kursus boleh mengandungi petikan daripada karya orang lain.

(5) Bab akhir manual kursus hendaklah mengandungi, diantara lain:

h. ringkasan kursus;

- i. maklumat mengenai peperiksaan akhir; dan
- j. senarai nama pembimbing kursus serta alamat dan nombor telefon.

8. (1) Suatu kursus pendidikan jarak jauh boleh disampaikan sepenuhnya melalui media elektronik dengan syarat bahawa sebilangan besar pelajar boleh memanfaatkan daripada penggunaan media itu, dan bagi pelajar yang sukar menggunakan media ini penggunaan media alternatif hendaklah disediakan.

(2) Penggunaan apa jua jenis media sebagai sistem bagi penghantaran atau penyampaian kursus pendidikan jarak jauh hendaklah mematuhi semua keperluan undang-undang mengenainya.

9. (1) Suatu kursus pendidikan jarak jauh hendaklah disertakan dengan tugas-tugas yang membolehkan seseorang pelajar mengamalkan perkara yang telah dipelajari dalam kursus itu.

(2) Arahan, penjelasan dan soalan mengenai tugas hendaklah jelas dan menjadi sebahagian daripada suatu manual kursus.

- (3) Kewajaran suatu tugas dari segi lulus dalam suatu kursus hendaklah dijelaskan kepada pelajar dan hendaklah menjadi sebahagian daripada penjelasan mengenai tugas.
- (4) Tempoh bagi pemulangan tugas pelajar yang telah disemak dan digredkan hendaklah ditentukan dengan jelas dan dipatuhi.
10. (1) Kaedah penilaian dalam suatu kursus pendidikan jarak jauh hendaklah ditentukan oleh ketua jabatan tertakluk kepada peraturan-peraturan suatu institusi pendidikan jarak jauh atau institusi pendidikan tinggi swasta.
- (2) Peraturan-peraturan institusi, kaedah penilaian, jadual ujian dan peperiksaan, arahan dan keperluan lain seperti pra-syarat yang berkaitan dengan penilaian peperiksaan hendaklah dimaklumkan awal secara bertulis kepada seseorang pelajar dan boleh dimasukkan sebagai sebahagian daripada suatu manual kursus.
11. (1) Suatu institusi pendidikan jarak jauh atau institusi pendidikan tinggi swasta yang mengendalikan suatu kursus pendidikan jarak jauh hendaklah menyediakan khidmat sokongan pelajar kepada seseorang pelajar yang berdaftar dengannya.
- (2) Khidmat sokongan pelajar hendaklah boleh memanfaatkan oleh setiap pelajar yang berdaftar dengan institusi itu dan hendaklah mengambilkira perbezaan antara pelajar dari segi umur, jantina, keupayaan belajar, kemahiran yang dimiliki, kebolehan, komitmen tugas lain, kemahiran dan peluang menggunakan media penyampaian.
- (3) Khidmat sokongan pelajar yang diberikan hendaklah termasuk yang berikut:
- . kaunseling mengenai kaedah pembelajaran akademik dan peribadi;
 - a. peluang dan kemahiran dalam penggunaan media elektronik yang digunakan dalam penyampaian dan penghantaran bahan pengajaran dan pembelajaran;
 - b. peluang berinteraksi sesama pelajar dan di antara pelajar dan guru; dan
 - c. peluang untuk menggunakan bahan perpustakaan dan sumber rujukan yang lain.
12. (1) Suatu institusi pendidikan jarak jauh atau institusi pendidikan tinggi swasta bolehlah, tertakluk kepada budibicara Ketua Pendaftar, mempunyai yang berikut dalam premisnya:
- . suatu bilik pentadbiran untuk menyimpan dan menguruskan rekod mengenai:
 - i. pelajar yang berdaftar dengan institusi;
 - ii. guru di institusi;
 - iii. penghantaran bahan pengajaran kepada pelajar;
 - iv. penerimaan dan penghantaran balik kerja pelajar yang telah dihantar kepada institusi untuk disemak dan dinilai;
 - v. ujian dan peperiksaan berserta dengan keputusan pelajar;
 - vi. yuran yang diterima daripada pelajar serta resit yang dikeluarkan kepadanya;
 - vii. pencapaian akademik pelajar; dan
 - viii. perkara lain yang dianggap perlu oleh Ketua Pendaftar.

- a. suatu bilik untuk mencetak, menjilid dan membungkus bahan pengajaran bercetak;
 - b. suatu bilik untuk merakam bahan pengajaran dalam bentuk audio atau video; dan
 - c. bilik lain yang difikirkan perlu.
13. (1) Suatu institusi pendidikan jarak jauh atau institusi pendidikan tinggi swasta yang mengendalikan suatu kursus pendidikan jarak jauh boleh menubuhkan pusat wilayah.
 - (2) Pusat Wilayah hendaklah ditubuhkan dengan kelulusan Ketua Pendaftar.
 - (3) Suatu permohonan untuk penubuhan pusat wilayah hendaklah dibuat mengikut borang dalam Jadual dan disertakan dengan fee pemprosesan sebanyak lima ratus ringgit.